

Original Research Paper

## Analisis Penggunaan Telegram bagi Pembelajaran Secara Atas Talian dalam Kalangan Guru dan Pelajar

Filzah Afiqah Binti Mohd Zulkifli<sup>1</sup>, Noor Anida Zaria Mohd Noor<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Sains Komputer dan Teknologi Digital, Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Malaysia.

**Article History**  
21.06.2023

**Revised:**  
15.08.2023

**Accepted:**  
25.08.2023

**\*Corresponding Author:**  
Noor Anida Zaria Mohd Noor  
**Email:**  
anidazaria@meta.upsi.edu.my

This is an open access article,  
licensed under: [CC-BY-SA](#)



**Abstrak:** Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji atau menganalisis tahap penguasaan penggunaan Telegram dalam pembelajaran secara atas talian dalam kalangan guru dan pelajar di SMK Sri Kiambang. Responden kajian ini adalah seramai 272 orang yang terdiri dikalangan guru dan pelajar, iaitu seramai 202 orang pelajar dan 70 orang guru. Kajian ini berfokuskan hanya kepada pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan empat dan lima sahaja. Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek pengetahuan terhadap penggunaan Telegram, dan akhir sekali adalah untuk menganalisis tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek kemahiran terhadap penggunaan Telegram, tahap kesediaan guru dan pelajar terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian. Setelah pengkaji melakukan analisis terhadap data yang telah dikutip menunjukkan tahap skor min soalan bagi mengetahui tahap kesediaan pelajar dan guru adalah tinggi iaitu sebanyak 4.12 dalam aspek kemahiran, 4.20 dalam aspek penggunaan dan sebanyak 4.12 dalam aspek kesediaan guru dan pelajar terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian.

**Kata Kunci:** Alat Pembelajaran, Penggunaan Gajet, Telegram.

### Analysis of Telegram Use for Online Learning among Teachers and Students

**Abstract:** The purpose of this study is to study or analyze the level of mastery of the use of Telegram in online learning among teachers and students at SMK Sri Kiambang. The respondents of this study were a total of 272 people consisting of teachers and students, which is a total of 202 students and 70 teachers. This study focuses only on upper secondary students, namely form four and five students only. The objective of this study is to identify the level of readiness of teachers and students in terms of knowledge on the use of Telegram, and finally to analyze the level of readiness of teachers and students in terms of skills on the use of Telegram, the level of readiness of teachers and students on the use of Telegram for online learning. After the researcher analyzed the data collected showed the level of mean score of questions to find out the level of readiness of students and teachers is high, namely 4.12 in terms of skills, 4.20 in terms of use and 4.12 in terms of readiness of teachers and students online.

**Keywords:** Gadget Used, Learning Tools, Telegram.



## 1. Pendahuluan

Pada zaman era globalisasi kini kita dapat perhatikan peningkatan teknologi yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Peningkatan teknologi ini banyak memberikan kesan positif kepada manusia kita kerana peningkatan teknologi ini telah banyak memudahkan urusan dan pekerjaan manusia dari segi mendapatkan maklumat, bersosial dan untuk hiburan [1]. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan peningkatan teknologi ini banyak aplikasi baru dan aplikasi yang diinovasikan telah wujud dan dimanfaatkan dengan baik.

Pendidikan adalah sesuatu amalan yang dilakukan bagi meningkatkan dan pematangan pemikiran dalam diri seseorang tanpa mengira usia, dan pangkat. Pendidikan ini adalah suatu aktiviti yang telah dirancang oleh sesebuah institusi bagi melahirkan pelajar yang cemerlang sahsiah dan akedmik, dalam mendapatkan ilmu ini ia juga boleh menjadi pendidikan formal atau pendidikan tidak formal [2]. Pendidikan menggunakan teknologi dan komunikasi ini telah digunakan di beberapa buah sekolah mengikut kepada kemampuan dan kesediaan sekolah tersebut yang dikenali sebagai program bestari sekolah. Program bestari sekolah yang diamalkan di sekolah telah memberi banyak kesan positif dalam diri pelajar terutamanya dalam melahirkan pelajar yang celik *Information and Communications Technology* (ICT) iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi [3]. Melalui program bestari sekolah yang dijalankan telah membuatkan pelajar lebih mengetahui cara menggunakan dan memanfaatkan internet, dan komputer dengan baik. Hal ini secara langsung membuatkan pelajar mempunyai asas dalam melakukan pembelajaran secara atas talian [4].

Pembelajaran secara atas talian adalah suatu pendidikan yang diamalkan secara pendidikan jarak jauh. Pembelajaran secara atas talian ini menggunakan rangkaian internet, aplikasi yang bersesuaian dan peralatan seperti telefon pintar atau laptop sebagai peralatan asas sebelum memulakan pembelajaran secara atas talian. Kelengkapan asas sebelum memulakan pembelajaran secara atas talian adalah sangat penting dalam memastikan pelajar dan guru itu bersedia sepenuhnya sebelum memulakan pembelajaran yang efektif. Menurut Firman dan Sari Rahman [5] menyatakan bahawa pembelajaran secara atas talian ini adalah pembelajaran yang melibatkan penggunaan rangkaian internet dan gajet teknologi kini seperti telefon pintar, tablet, komputer dan sebagainya yang dapat dijadikan sebagai Peralatan perhubungan bagi kelas secara atas talian. Pendidikan secara atas talian ini sudah tidak asing lagi dalam masa ini kerana sejak dunia kita dilanda wabak Covid-19 pendidikan secara atas talian terpaksa dilakukan bagi mengurangkan jumlah jangkitan baru wabak Covid-19. Ini dapat dibuktikan dengan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 18 Mac 2020 maka bermula pembelajaran secara atas talian telah dilakukan secara berperingkat di semua peringkat pendidikan di Malaysia [6].

Telegram adalah salah satu aplikasi rangkaian sosial yang terdapat di dunia ini selain daripada *WhatsApp, Facebook, Instagram, Twitter, Skype*, dan sebagainya yang memudahkan manusia untuk saling berhubung antara satu sama lain. Menurut Akhmad Habibi, et al [7] Telegram ini mempunyai banyak kebaikan yang tidak ramai mengetahuinya. Pengeluaran aplikasi Telegram pada akhir-akhir ini yang telah diinovasikan adalah sangat baik kerana banyak kemudahan yang telah disediakan antaranya Telegram bukan sahaja kita dapat menghubungi dengan orang lain malah telegram ini menyediakan kemudahan kepada pengguna dari segi ruangan komen, permainan, dapat menghantar fail bersaiz besar, dan sebagainya [8].

Guru atau pendidik adalah seorang insan yang menyampaikan ilmu kepada seseorang yang bergelar murid. Peranan seorang guru adalah sangat penting dalam memastikan keberkesanan dan objektif pembelajaran tercapai selaras dengan visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu “Melahirkan generasi bestari yang kompeten dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat” dan misinya “Memperkasa Pembestarian Sekolah melalui pembudayaan ICT berterusan dan memacu pembangunan modal insan yang kompeten dalam ICT, yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat” [3]. Guru mempunyai tanggungjawab yang sangat penting dalam melahirkan pelajar yang tinggi dalam akedemik dan sahsiahnya. Hal ini kerana hasil didikan para guru ini kepada seorang pelajar ini akan memberi kesan dalam melahirkan baka pemimpin yang menjadi tulang belakang negara Malaysia pada masa akan datang [9].

Di kajian ini berfokuskan kepada para guru dan pelajar dalam menjalankan pendidikan secara atas talian. Pendidikan secara atas talian adalah tidak mudah untuk dilakukan oleh para guru. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya hanya guru bersedia dan pelajarnya tidak bersedia untuk melakukan sesi pembelajaran ini akan menyebabkan sesi pembelajaran yang produktif tidak akan berlaku. Walaupun negara kita telah dikelilingi dengan teknologi namun terdapat segelintir guru dan pelajar yang mempunyai masalah dalam mengikuti pembelajaran secara atas talian disebabkan

beberapa faktor seperti mempunyai masalah rangkaian internet, tiada peralatan pembelajaran yang secukupnya dan kurang mahir dalam menggunakan teknologi dan aplikasi-aplikasi yang digunakan dalam pembelajaran secara atas talian. Oleh itu dalam melakukan pembelajaran secara atas talian adalah sangat penting untuk memastikan tahap kesediaan para guru dan pelajar berada di tahap optimum sebelum dan semasa proses pembelajaran secara atas talian berlangsung [10], [11].

## **2. Tinjauan Literatur**

### **2.1. Penggunaan Teknologi dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)**

Penggunaan teknologi dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sama ada menggunakan telefon atau komputer yang dihubungkan dengan rangkaian internet adalah suatu menjadi suatu keperluan asas kepada pelajar-pelajar dan guru-guru untuk menjalankan proses pembelajaran secara atas talian ini. Peranan teknologi maklumat adalah sangat penting terutamanya dalam bidang pendidikan sebagai asas penyaluran ilmu melalui peralatan teknologi yang digunakan untuk PdPR seperti komputer, bahan elektronik, kamera video dan banyak lagi [10].

M-Pembelajaran atau dikenali sebagai mobile-learning adalah pembelajaran yang menggunakan peralatan elektronik sebagai asas pembelajaran secara atas talian. Penggunaan komputer, telefon, tablet, i-pad, laptop dan sebagainya yang digunakan untuk pembelajaran secara atas talian ini merupakan salah peralatan elektronik bagi tujuan PdP. M-pembelajaran ini dianggap fleksibel kerana pembelajaran jenis ini dapat dilakukan pada bila-bila masa sahaja mengikut kemahuan hasil perbincangan para guru dan pelajar. M-pembelajaran juga dianggap pembelajaran mudah alih kerana pembelajaran jenis ini membolehkan para guru dan pelajar untuk melakukan proses pembelajaran dimana-mana sahaja samaada di rumah, tempat kerja dan sebagainya. Pendidikan melalui m-pembelajaran merupakan cara pembelajaran yang sangat sesuai dengan gaya hidup hari ini yang bersifat kurang penggunaan kertas dan hanya bergantung kepada telefon [12].

Penggunaan Telegram bagi tujuan pembelajaran secara atas talian juga merupakan m-pembelajaran kerana untuk menggunakan aplikasi Telegram ini, peralatan elektronik seperti telefon, laptop, komputer atau sebagainya adalah diperlukan. Penggunaan Telegram untuk pembelajaran secara atas talian ini membolehkan pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran pada bila-bila masa dan dimana-mana sahaja [12]. Namun untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian m-pembelajaran ini ramai guru menggunakan lebih daripada dua platform untuk melakukan proses pembelajaran seperti Telegram, WhatApps, Facebook dan sebagainya, ini adalah sangat tidak baik kerana m-pembelajaran yang baik adalah m-pembelajaran yang tidak mengelirukan pelajar dengan kepelbagaian aplikasi atau platform yang digunakan [13].

#### **2.1.1. Aplikasi Telegram**

Telegram adalah sebuah aplikasi yang dicipta untuk manusia saling berhubung, berinteraksi dengan orang lain dan ia juga merupakan rangkaian sosial yang sangat terkenal dan mempunyai berjuta-juta orang pengguna [14]. Pengguna aplikasi Telegram ini digunakan oleh pelbagai peringkat umur samada muda mahupun tua. Di dalam aplikasi Telegram ini juga membenarkan pengguna untuk membuat profil gambar mereka sendiri, sebagai contoh mereka dapat mengupload gambar yang mereka inginkan sebagai gambar profil. Seterusnya melalui Telegram ini juga pengguna dapat berhubung dengan orang lain sama ada melalui pesanan teks ataupun melalui audio rakaman suara. Seterusnya pengguna Telegram juga menyediakan perkhidmatan yang membolehkan pengguna berkongsi foto, audio, video, dan fail yang bersaiz besar [15].

Pengguna Telegram adalah sangat ramai sehingga mencecah jutaan orang kerana reka bentuk Telegram yang mesra pengguna ini telah membuatkan pengguna berasa selesa semasa menggunakannya. Aplikasi Telegram ini menggunakan ikon-ikon dan butang tab yang mudah difahami oleh para pengguna terutamanya pengguna yang pertama menggunakan aplikasi Telegram [16] Seterusnya aplikasi ini juga menyediakan banyak kemudahan kepada pengguna mereka yang tidak ramai yang mengetahuinya. Secara kesimpulannya dalam bab ini perkara utama yang dibincangkan adalah penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian yang banyak memberi kesan kepada guru dan pelajar dalam menguasai penggunaan teknologi pada masa kini. Penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian ini mengikuti perkembangan teknologi kini terutamanya dalam bidang pendidikan membolehkan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ini dapat dilaksanakan dengan baik. Dalam kajian-kajian lepas yang telah dilakukan secara berterusan juga telah dikaji dan dikaitan dengan pembelajaran secara atas talian dan m-pembelajaran. Pengkaji juga telah mengkaji berkaitan dengan pembelajaran secara atas talian menggunakan

WhatsApp dan Telegram bagi mendapatkan maklumat tambahan. Seterusnya kajian ini juga selaras dengan kehendak KPM iaitu penggunaan gajet, perkakasan dan perisian terkini dalam PdPR.

### 3. Metodologi

#### 3.1. Reka Bentuk Kajian

Bagi mencapai objektif kajian pengkaji menggunakan penyelidikan kajian secara kuantitatif yang berbentuk deskriptif. Penelitian deskriptif merupakan penelitian yang memberi gambaran yang lebih jelas terhadap objektif kajian yang dilakukan [17]. Penyelidikan kuantitatif adalah penyelidikan yang bersifat induktif, objektif dan ilmiah dimana segala hasil data yang diperolehi adalah di dalam angka atau bilangan yang dapat dinilai. Seterusnya hasil daripada data yang telah diperolehi dalam berbentuk angka itu dapat dianalisis dengan analisis statistik [18].

Strategi atau pendekatan yang pengkaji gunakan untuk melakukan kajian ini adalah menggunakan kaedah kajian tinjauan dan kaedah persampelan. Kajian tinjauan yang dilakukan ini merupakan salah satu jenis penyelidikan deskriptif yang mana kajian ini akan menyediakan satu borang soal selidik untuk mendapatkan data tahap penguasaan penggunaan telegram pembelajaran secara atas talian yang merangkumi 4 bahagian soalan di dalam borang soal selidik tersebut iaitu demografi, aspek penggunaan, aspek pengetahuan, dan aspek kemahiran. Soal selidik ini menggunakan *Google Form* untuk diberikan kepada responden yang berkenaan. Soalan soal selidik ini berbentuk soalan tertutup dan menggunakan Skala Likert yang mana responden hanya memilih jawapan berdasarkan skala yang telah diberikan. Kaedah persampelan adalah pengambilan sebahagian pecahan dalam suatu populasi iaitu dalam kalangan guru dan pelajar menengah atas di SMKSK.

#### 3.2. Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Kerlinger dalam Nur'syafiq Norhaduan [19] menyatakan bahawa populasi adalah pengambilan keseluruhan jumlah responden yang pengkaji miliki. Manakala persampelan atau kajian sampel ini merupakan pengambilan sebahagian pecahan daripada satu jumlah populasi yang telah dikira oleh pengkaji. Sampel dalam kaedah persampelan merupakan satu subset populasi (keseluruhan responden yang telah dikira) dan sampel berupaya mewakili keseluruhan populasi iaitu bilangan sampel adalah lebih sedikit berbanding bilangan populasi.

Sekolah yang dipilih pengkaji untuk menjalankan kajian ini adalah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kiambang (SMKSK) yang terletak di daerah Pasir Mas negeri Kelantan. Pengkaji telah memilih sekolah ini sebagai lokasi kajian yang dilakukan kerana SMK Sri Kiambang ini merupakan sekolah yang pernah pengkaji berkhidmat dan dengan ini pengkaji berasa lebih senang untuk meminta kerjasama pentadbir sekolah, guru-guru dan para pelajar dalam mendapatkan data yang diperlukan bagi kajian ini. Seperti yang telah dinyatakan pada sebelum ini, kajian ini akan melibatkan 256 orang pelajar dan 76 orang guru di SMK Sri Kiambang yang dikira sebagai populasi kajian. Oleh itu, kajian ini memerlukan seramai 155 orang pelajar dan seramai 66 orang guru untuk dijadikan sampel kajian. Jumlah sampel kajian yang diambil ini berdasarkan jadual penentuan saiz sampel kajian yang telah dikeluarkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) yang mana telah disenaraikan saiz populasi dan saiz sampel yang bersesuaian [20]. Pemilihan sampel ini dilakukan secara rawak yang mana semua dalam populasi kajian ini mempunyai potensi untuk menjadi sampel kajian. Hal ini akan lebih mudah kepada pengkaji untuk mendapatkan sampel kajian.

#### 3.3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat, cara atau kaedah pengukuran yang digunakan untuk mendapatkan data kajian daripada responden iaitu pelajar dan guru di SMK Sri Kiambang. Dalam kajian ini, instrumen kajian yang pengkaji gunakan untuk mendapatkan data daripada responden adalah melalui borang soal selidik yang menggunakan platform *Google Form*. Instrumen kajian iaitu penggunaan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat atau data kajian tentang tahap penguasaan penggunaan telegram bagi pembelajaran secara atas talian dalam kalangan guru dan pelajar menengah atas di SMK Sri Kiambang di daerah Pasir Mas negeri Kelantan ini akan mengandungi empat bahagian soalan iaitu:

1. Bahagian A iaitu data demografi responden.  
Pada bahagian data demografi ini akan mengandungi soalan berkaitan dengan umur dan jantina pelajar dan guru.
2. Bahagian B iaitu aspek pengetahuan penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian.

Pada bahagian ini, responden perlu menjawab borang soal selidik berdasarkan pengetahuan sedia ada yang dimiliki tentang aplikasi Telegram.

3. Bahagian C aspek kemahiran menggunakan Telegram sebagai proses pembelajaran secara atas talian.

Pada bahagian ini, responden perlu menjawab borang soal selidik berdasarkan kemahiran yang dimiliki dalam menggunakan aplikasi Telegram.

4. Bahagian D aspek penggunaan aplikasi Telegram bagi pembelajaran secara atas talian.

Pada bahagian ini, responden dikehendaki menjawab soal selidik berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang mereka miliki dalam melakukan pembelajaran secara atas talian.

Seterusnya untuk memudahkan responden memberi maklum balas tentang kajian ini iaitu tahap penguasaan penggunaan *Telegram* bagi pembelajaran secara atas talian dalam kalangan guru dan pelajar menengah atas di SMK Sri Kiambang, penyelidik menggunakan kaedah skala likert untuk dijadikan pilihan jawapan kepada responden seperti berikut:

Jadual 1. Skala Likert yang digunakan untuk Mengukur Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Penggunaan *Telegram*

| Kategori            | Skala |
|---------------------|-------|
| Sangat Tidak Setuju | 1     |
| Tidak Setuju        | 2     |
| Tidak Pasti         | 3     |
| Setuju              | 4     |
| Sangat Setuju       | 5     |

### 3.4. Kaedah Menganalisis Data

Tahap bilangan interpretasi skor min yang tertinggi kajian ini dalam aspek pengetahuan penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian adalah diantara 3.34-5.00.

Jadual 2. Interpretasi Skor Min dan Tahap Kesediaan Guru dan Pelajar dalam Aspek Pengetahuan Terhadap Penggunaan Telegram

| Skor Min    | Tahap     | Interpretasi  |
|-------------|-----------|---|
| 0.00 – 1.66 | Rendah    | Tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek pengetahuan penggunaan <i>Telegram</i> adalah ditahap rendah.  |
| 1.67-3.33   | Sederhana | Tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek pengetahuan penggunaan <i>Telegram</i> adalah ditahap sederhana dan masih dapat dibantu.                         |
| 3.34-5.00   | Tinggi    | Tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek pengetahuan penggunaan <i>Telegram</i> adalah ditahap tinggi dan bersedia untuk pembelajaran secara atas talian. |

Jadual 3. Interpretasi Skor Min dan Tahap Kesediaan Guru dan Pelajar Aspek Kemahiran Terhadap Penggunaan Telegram Bagi Pembelajaran Secara Atas Talian

| Skor Min    | Tahap     | Interpretasi   |
|-------------|-----------|--|
| 0.00 – 1.66 | Rendah    | Tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek kemahiran menggunakan <i>Telegram</i> sebagai proses pembelajaran secara atas talian adalah ditahap rendah dan memerlukan latihan dalam meneroka aplikasi yang digunakan untuk pembelajaran secara atas talian. |
| 1.67-3.33   | Sederhana | Tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek kemahiran menggunakan <i>Telegram</i> sebagai proses pembelajaran secara atas talian adalah di tahap sederhana dan memerlukan latihan dan kemahiran menggunakan aplikasi yang lebih kerap.                      |
| 3.34-5.00   | Tinggi    | Tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek kemahiran menggunakan <i>Telegram</i> sebagai proses pembelajaran secara atas talian ditahap yang tinggi dan bersedia untuk pembelajaran secara atas talian.  |

Ini menunjukkan bahawa interpretasi skor min dalam aspek pengetahuan penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian ini adalah pada tahap yang tinggi.

Seterusnya, interpretasi skor min diantara 1.67-3.33 adalah menunjukkan tahap interpretasi skor min dalam aspek pengetahuan penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian adalah ditahap sederhana. Seterusnya manakala interpretasi skor min pada 0.00 – 1.66 dalam aspek pengetahuan penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian adalah menunjukkan aspek pengetahuan guru dan pelajar terhadap Telegram ini ditahap yang rendah dan kurang bersedia.

Jadual 4. Interpretasi Skor Min dan Tahap Kesiediaan Guru dan Pelajar Terhadap Penggunaan Telegram Bagi Pembelajaran Secara Atas Talian di SMKSK

| Skor Min    | Tahap     | Interpretasi   |
|-------------|-----------|--|
| 0.00 – 1.66 | Rendah    | Tahap kesiediaan guru dan pelajar dalam aspek penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> bagi pembelajaran secara atas talian adalah ditahap rendah.  |
| 1.67-3.33   | Sederhana | Tahap kesiediaan guru dan pelajar dalam aspek penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> bagi pembelajaran secara atas talian adalah ditahap sederhana dan masih dapat dibantu.                         |
| 3.34-5.00   | Tinggi    | Tahap kesiediaan guru dan pelajar dalam aspek penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> bagi pembelajaran secara atas talian adalah ditahap tinggi dan bersedia untuk pembelajaran secara atas talian. |

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1. Data Demografi

Data demografi adalah maklumat asas responden yang menjawab borang soal selidik bagi kajian ini.

Jadual 5. Data Demografi Jenis Golongan

| Golongan      | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|---------------|------------------|-------------|
| Guru          | 70               | 25.8        |
| Pelajar       | 202              | 74.2        |
| <b>Jumlah</b> | <b>272</b>       | <b>100</b>  |

Jadual 6. Data Demografi Umur

| Umur                   | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|------------------------|------------------|-------------|
| 16 tahun (Tingkatan 4) | 90               | 33.1        |
| 17 tahun (Tingkatan 5) | 112              | 41.2        |
| 20 tahun – 40 tahun    | 3                | 1.1         |
| 41 tahun – 60 tahun    | 67               | 24.6        |
| <b>Jumlah</b>          | <b>272</b>       | <b>100</b>  |

Jadual 7. Data Demografi Jenis Golongan

| Golongan      | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|---------------|------------------|-------------|
| Guru          | 70               | 25.8        |
| Pelajar       | 202              | 74.2        |
| <b>Jumlah</b> | <b>272</b>       | <b>100</b>  |

Jadual 8. Data Demografi Umur

| Umur                   | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|------------------------|------------------|-------------|
| 16 tahun (Tingkatan 4) | 90               | 33.1        |
| 17 tahun (Tingkatan 5) | 112              | 41.2        |
| 20 tahun – 40 tahun    | 3                | 1.1         |
| 41 tahun – 60 tahun    | 67               | 24.6        |
| <b>Jumlah</b>          | <b>272</b>       | <b>100</b>  |

#### 4.2. Tahap Kesediaan Guru dan Pelajar dalam Aspek Pengetahuan Terhadap Penggunaan Telegram Bagi Pembelajaran Secara Atas Talian

Untuk mengetahui tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek pengetahuan terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian pengkaji telah menyediakan beberapa soalan untuk ditanyakan kepada responden di dalam borang soal selidik. Secara keseluruhannya hasil dapatan kajian pada Jadual 9 menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek pengetahuan terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian berdasarkan nilai min soalan dan tahap yang mana semuanya menunjukkan pada tahap yang tinggi.

Jadual 9. Soalan Soal Selidik Bahagian B (Pelajar dan Guru)

| Bil | Soalan   | Pelajar |      |     |      |      | Min  | Guru |     |      |      |      | Min  |
|-----|--|---------|------|-----|------|------|------|------|-----|------|------|------|------|
|     |  | 1       | 2    | 3   | 4    | 5    |      | 1    | 2   | 3    | 4    | 5    |      |
|     |  | STS     | TS   | TP  | S    | SS   |      | STS  | TS  | TP   | S    | SS   |      |
|     |  | %       | %    | %   | %    | %    |      | %    | %   | %    | %    | %    |      |
| 1.  | Saya tahu apa itu aplikasi <i>Telegram</i> .   | 0.5     | 0.5  | 2.5 | 50.5 | 46.0 | 4.41 | 0.0  | 0.0 | 1.4  | 28.6 | 70.0 | 4.68 |
| 2.  | Saya tahu kandungan yang terdapat dalam aplikasi <i>Telegram</i> .   | 0.5     | 2.0  | 5.4 | 23.3 | 68.8 | 4.58 | 1.4  | 1.4 | 7.1  | 58.6 | 31.4 | 4.17 |
| 3.  | Saya menyedari bahawa terdapat penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> dalam pembelajaran secara atas talian.  | 1.0     | 0.5  | 3.0 | 20.8 | 74.7 | 4.68 | 1.4  | 0.0 | 2.9  | 30.0 | 65.7 | 4.58 |
| 4.  | Saya boleh menggunakan aplikasi <i>Telegram</i> untuk menerima pengajaran dalam proses pembelajaran secara atas talian.  | 2.0     | 3.0  | 4.5 | 59.9 | 30.7 | 4.14 | 1.4  | 7.1 | 7.1  | 48.6 | 35.7 | 4.10 |
| 5.  | Saya yakin penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dan pelajar terhadap penggunaan teknologi.                    | 0.5     | 1.0  | 5.4 | 24.8 | 68.3 | 4.59 | 2.9  | 2.9 | 8.6  | 45.7 | 40.0 | 4.17 |
| 6.  | Saya yakin dengan penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> sebagai medium pembelajaran, pelajar dan guru dapat menguasai dan menyampaikan pembelajaran dengan baik. | 2.0     | 40.1 | 5.9 | 21.8 | 30.2 | 3.38 | 7.1  | 2.9 | 12.9 | 40.0 | 37.1 | 3.97 |
| 7.  | Guru akan menyediakan kaedah pembelajaran yang menarik melalui penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> .   | 2.0     | 36.1 | 6.4 | 24.3 | 31.2 | 3.46 | 1.4  | 7.1 | 8.6  | 38.6 | 44.3 | 4.17 |
| 8.  | Guru akan memastikan pelajar menggunakan aplikasi <i>Telegram</i> untuk menyelesaikan tugas mengikut topik tertentu dalam pembelajaran secara atas talian.     | 2.0     | 1.5  | 6.0 | 61.4 | 29.2 | 4.14 | 1.4  | 0.0 | 7.1  | 60.0 | 31.4 | 4.20 |

#### 4.3. Tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek kemahiran terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian

Untuk mengetahui tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek kemahiran terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian (pada Jadual 10) pengkaji telah menyediakan beberapa soalan untuk ditanyakan kepada responden di dalam borang soal selidik.

#### 4.3. Tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek kemahiran terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian

Untuk mengetahui tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek kemahiran terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian pengkaji telah menyediakan beberapa soalan untuk ditanyakan kepada responden di dalam borang soal selidik.

#### 4.4. Tahap kesediaan guru dan pelajar terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian

Untuk mengetahui tahap kesediaan guru dan pelajar di SMK Sri Kiambang terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian pengkaji telah menyediakan beberapa soalan pada Jadual 11 untuk ditanyakan kepada responden di dalam borang soal selidik. Soalan ini berada di bahagian D dalam borang soal selidik. Soalan borang soal selidik bahagian D ini mempunyai empat soalan kesemuanya dan hasil data yang dipungut ini akan dianalisis di dalam secara statistik deskriptif yang menggunakan peratusan dan min bagi setiap soalan.

Jadual 10. Soalan Soal Selidik Bahagian C (Pelajar dan Guru)

| Bil | Point<br>Soalan  | Pelajar |      |      |      |      | Min  | Guru |     |     |      |      | Min  |
|-----|--|---------|------|------|------|------|------|------|-----|-----|------|------|------|
|     |  | 1       | 2    | 3    | 4    | 5    |      | 1    | 2   | 3   | 4    | 5    |      |
|     |  | STS     | TS   | TP   | S    | SS   |      | STS  | TS  | TP  | S    | SS   |      |
|     |  | %       | %    | %    | %    | %    |      | %    | %   | %   | %    | %    |      |
| 1.  | Saya pernah menggunakan aplikasi <i>Telegram</i> dalam pembelajaran secara atas talian.  | 1.0     | 0.5  | 5.0  | 19.8 | 73.8 | 4.64 | 2.9  | 1.4 | 7.1 | 18.6 | 70.0 | 4.51 |
| 2.  | Saya tidak ada masalah menggunakan aplikasi <i>Telegram</i> .  | 3.0     | 40.6 | 2.5  | 21.8 | 32.2 | 3.39 | 0.0  | 8.6 | 7.1 | 57.1 | 27.1 | 4.02 |
| 3.  | Saya mahir menggunakan teknologi terkini dan ia membantu saya dalam penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> .  | 1.0     | 1.0  | 4.5  | 64.9 | 28.7 | 4.19 | 2.9  | 2.9 | 7.1 | 27.1 | 60.0 | 4.38 |
| 4.  | Saya boleh pelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> .   | 0.5     | 4.0  | 35.1 | 30.2 | 30.2 | 3.85 | 0.0  | 7.1 | 5.7 | 60.0 | 27.1 | 4.07 |
| 5.  | Saya memerlukan latihan yang lebih banyak dalam penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> sebagai persediaan dalam proses pembelajaran secara atas talian. | 0.5     | 0.5  | 4.5  | 22.8 | 71.8 | 4.64 | 2.9  | 1.4 | 5.7 | 37.1 | 52.9 | 4.35 |
| 6.  | Saya boleh memikirkan pelbagai cara untuk pengajaran dan pembelajaran secara atas talian ini dengan menggunakan aplikasi <i>Telegram</i> .           | 3.0     | 37.1 | 10.0 | 17.8 | 32.2 | 3.39 | 4.3  | 5.7 | 7.1 | 52.9 | 30.0 | 3.98 |
| 7.  | Saya akan memastikan saya mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang teknik pengajaran dalam penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> .                  | 1.0     | 2.0  | 3.0  | 62.4 | 31.7 | 4.21 | 2.9  | 4.3 | 5.7 | 48.6 | 38.5 | 4.15 |
| 8.  | Saya yakin dengan pengalaman saya ada, saya dapat membantu pelajar dan guru meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi yang terkini.               | 1.0     | 1.0  | 14.4 | 54.5 | 29.2 | 4.09 | 1.4  | 4.3 | 7.1 | 55.7 | 31.4 | 4.11 |

Bahagian dapatan kajian ini memberikan gambaran yang jelas berkaitan dengan tahap kesediaan guru dan pelajar terhadap penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian, tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek pengetahuan terhadap penggunaan Telegram dan tahap kesediaan guru dan pelajar dalam aspek kemahiran terhadap penggunaan Telegram.

Jadual 11. Soalan Soal Selidik Bahagian D (Pelajar dan Guru)

| Bil | Point<br>Soalan   | Pelajar |      |      |      |      | Min  | Guru |      |      |      |      | Min  |
|-----|---|---------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
|     |   | 1       | 2    | 3    | 4    | 5    |      | 1    | 2    | 3    | 4    | 5    |      |
|     |   | STS     | TS   | TP   | S    | SS   |      | STS  | TS   | TP   | S    | SS   |      |
|     |   | %       | %    | %    | %    | %    |      | %    | %    | %    | %    | %    |      |
| 1.  | Saya boleh menggunakan aplikasi <i>Telegram</i> untuk menyampaikan dan menerima pengajaran secara atas talian.  | 1.0     | 1.0  | 4.0  | 41.0 | 53.0 | 4.44 | 1.4  | 4.3  | 7.1  | 27.1 | 60.0 | 4.40 |
| 2.  | Saya yakin penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dan guru terhadap penggunaan teknologi.                                   | 0.5     | 2.0  | 5.4  | 48.0 | 44.1 | 4.33 | 0.0  | 1.4  | 4.3  | 70.0 | 24.3 | 4.17 |
| 3.  | Saya yakin dengan penggunaan aplikasi <i>Telegram</i> sebagai medium pembelajaran, guru dan pelajar dapat mengajar dan menguasai pembelajaran secara atas talian dengan baik. | 6.9     | 30.7 | 10.9 | 22.8 | 28.7 | 3.35 | 2.9  | 10.0 | 17.1 | 32.9 | 37.1 | 3.91 |
| 4.  | Guru akan memastikan pelajar menggunakan aplikasi <i>Telegram</i> untuk menyelesaikan tugas mengikut topik tertentu dalam pembelajaran secara atas talian.                    | 0.5     | 2.5  | 4.0  | 48.5 | 44.5 | 4.34 | 1.4  | 2.9  | 8.6  | 60.0 | 27.1 | 4.08 |

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan penggunaan telegram bagi pembelajaran secara atas talian dalam kalangan guru dan pelajar menengah atas di SMK Sri Kiambang adalah pada tahap yang tinggi dan membolehkan proses pembelajaran secara atas talian menggunakan Telegram ini dapat dijalankan dengan baik.



## 5. Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian dan keseluruhan proses menjalankan kajian yang telah dianalisis, terdapat beberapa implikasi kajian yang boleh pengkaji nyatakan diantaranya adalah dalam usaha bagi menganalisis tahap penguasaan penggunaan Telegram bagi pembelajaran secara atas talian dalam kalangan guru dan pelajar menengah atas di SMK Sri Kiambang terdapat impikasinya ketika mencari teori yang bersesuaian dengan kajian. Bagi menjalankan kajian ini pengkaji telah memilih satu teori iaitu Teori Model Reflektif Wallace, pengkaji mempunyai sedikit masalah semasa mencari bahan rujukan bagi teori ini kerana kebanyakan rujukan ada yang telah dilakukan pengubahsuaian daripada teori ini. bagi mencari buku atau penulisan asal berkaitan dengan teori adalah agak sukar dan pengkaji terpaksa untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan teori berdasarkan beberapa penulisan ilmiah yang lain bagi mendapatkan maklumat yang benar dan sah.

Kurangnya rujukan berkaitan dengan aplikasi Telegram juga menjadi suatu impikasi dalam mendapatkan dapatan kajian. Kajian berkaitan dengan pembelajaran secara atas talian ini adalah sangat banyak namun kebanyakan penulisan ilmiah tersebut berfokuskan kepada penggunaan aplikasi WhatsApp, Frong VLE, Webex dan Google Meet. Tidak ramai pengkaji yang membuat penulisan berkaitan dengan penggunaan aplikasi Telegram bagi pembelajaran secara atas talian.

Implikasi kajian yang seterusnya yang dapat dibincangkan adalah penggunaan aplikasi Telegram dalam proses pembelajaran secara atas talian dalam kalangan guru dan pelajar di SMK Sri Kiambang dapat dibuktikan bahawa mereka bersedia untuk menjalankan proses pembelajaran ini. Kelahiran mereka pada zaman dunia yang serba canggih ini membuatkan mereka mahir dalam penggunaan teknologi yang selaras dengan perkembangan teknologi telah banyak dan memudahkan mereka dalam melakukan pembelajaran secara atas talian.

Secara keseluruhannya, dalam bab banyak membincangkan tentang ringkasan kepada keseluruhan kajian ini. seterusnya pengkaji juga dapat merumuskan bahawa setiap item soalan yang diberikan kepada responden dalam borang soal selidik adalah sangat mempengaruhi kajian ini dalam emngukur dengan lebih tepat kesediaan para pelajar menengah atas dan guru dalam meneruskan pembelajaran secara atas talian dengan menggunakan aplikasi Telegram ini. Setelah hasil dapatan kajian ini dilakukan, pengkaji dapat merumuskan bahawa penambahkan terhadap penggunaan Telegram dalam proses pembelajaran masih diperlukan dalam memastikan tahap kesediaan para guru dan pelajar di tahap yang optimum. Tahap kesediaan para pelajar dan guru yang tinggi atau optimum ini secara langsung akan mampu membuatkan pembelajaran secara atas talian ini tercapai.

Seterusnya, pengkaji berharap kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mengkaji atau menganalisis semula tahap kesediaan guru dan pelajar dalam menjalankan proses pembelajaran secara atas talian. Hal ini kerana setiap individu sama ada pelajar atau guru akan mempunyai masalah dan kesenangan yang berbeza yang akan memberi kesan kepada mereka dalam menjalankan proses pembelajaran ini. pengkaji berharap bahawa pihak KPM akan menyediakan latihan secukupnya kepada para guru dalam mengendalikan pembelajaran secara atas talian atau memberikan idea yang bersesuaian kepada para guru dalam menjalankan proses pembelajaran yang menarik. Hal ini adalah untuk memastikan sesi pembelajaran pada abad ke 21 ini adalah mencapai objektif, visi dan misi yang telah ditetapkan oleh pihak KPM dan secara langsung tiada pelajar yang tercicir daripada pembelajaran secara atas talian ini.

## Rujukan

- [1] Komalasari, "Manfaat Teknologi Informasi dan Komunikasi di Masa Pandemi Covid 19: TEMATIK," *Jurnal Teknologi Informasi Dan Komunikasi*, vol. 7, no. 1, pp. 38-50, 2020.
- [2] K. Jamaluddin, "Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional," *Sosiohumanika*, vol. 4, no. 1, 2011.
- [3] Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Strategik Pembestarian Sekolah 2016 – 2020*. Kuala Lumpur: Malaysia, K. P. Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016.
- [4] Suharyanto and Mailangkay, "Penerapan E-learning sebagai Alat Bantu Mengajar dalam Dunia Pendidikan," *Jurnal Ilmiah Widya*, vol. 4, no. 3, 2018.
- [5] Firman and S. Rahman, "Pembelajaran online di tengah pandemik covid-19," *Indonesian Journal of Educational Science (IJES)*, vol. 2, no. 2, pp. 81-89, 2020.

- [6] Berita Harian, *Sedia hadapi kelas maya sesuai normal baharu*. 2020, April 19, [Online] Available: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu>. [Accessed: 7 April 2021].
- [7] A. Habibi, A. Mukminin, Y. Riyanto, L. Prasojo, U. Sulistiyo, M. Sofwan and F. Saudagar, "Building an Online Community: Student Teachers' Perceptions on the Advantages of Using Social Networking Services in A Teacher Education Program," *Turkish Online Journal of Distance Education*, vol. 19, no. 1, pp. 46-61, 2018.
- [8] F. Hakimi, *8 Kelebihan Telegram Yang Ramai Pengguna Tak Tahu, Lebih Mudah Dan Cepat*. Sinar Harian. [Online] Available: <https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/8-kelebihan-telegram-yang-ramai-pengguna-tak-tahu-lebih-mudah-dan-cepat/>, [Accessed: 7 April 2021]
- [9] A. Hamid, "Guru Profesional," *Al-Falah: Jurnal Ilmiah Keislaman dan Kemasyarakatan*, vol. 17, no. 2, pp. 274-285, 2017.
- [10] I. Hamzah and N. Attan, "Tahap kesediaan guru sains dalam penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran," *Jurnal Teknologi*, vol. 46, no. 1, 2007.
- [12] A. Nawi and I. Hamzah, "Tahap penerimaan penggunaan telefon bimbit sebagai M-Pembelajaran dalam Pendidikan Islam," *Journal of Islamic and Arabic Education*, vol. 5, no. 1, pp. 1-10, 2013.
- [13] L. Chear, "Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta (Teaching and Learning Through WhatsApp and Telegram Application at a Private University)," *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, vol. 42, no. 2, pp. 87-97, 2017.
- [14] Astoawani. (2021, 12 Januari). *PdPR: Guru sudah bersiap sedia lebih awal – NUTP*. [Online] Available: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pdpr-guru-sudah-bersiap-sedia-lebih-awal-nutp-277268>, [Accessed: 11 April 2021].
- [15] Mojtaba and Mahsa, "The Effect of Online Cooperative Learning on Students' Writing Skills and Attitudes through Telegram Application," *International Journal of Instruction*, vol. 11, no. 3, pp. 433-448, 2018
- [16] A. Aziz, "Analisis Penerimaan Penggunaan Aplikasi Telegram Bagi Modul Latihan Penyediaan Asas (Spu 1033) Di Kolej Komuniti Kota Marudu, Sabah," *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, pp. 23-36, 2021.
- [17] M. Mulyadi, "Penelitian kuantitatif dan kualitatif serta pemikiran dasar menggabungkannya," *Jurnal studi komunikasi dan media*, vol. 15, no. 1, pp. 128-137, 2011.
- [18] I. Hermawan, *Metodologi Penelitian Pendidikan (Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed Method)*. Jakarta: Hidayatul Quran, 2019.
- [19] N. Norhaduan, *Tahap Kesiapan Guru Pelatih Menggunakan Google Classroom Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Asas Sains Komputer*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2020.
- [20] R. V. Krejcie, and D. W. Morgan, "Determining sample size for research activities," *Educational and psychological measurement*, vol. 30, no. 3, pp. 607-610, 1970